

13/08/2004

Agenda ekonomi Melayu sebagai isu nasional

By Abd Rahman Sulaiman

MINGGU ini ramai pihak heboh memperkatakan mengenai Agenda Melayu. Akhbar nampaknya ghairah memuatkan ulasan, pendapat serta cadangan bernas oleh tokoh tertentu untuk memperkasakan lagi penyertaan dan pencapaian Melayu dan Bumiputera lain dalam bidang tertentu yang mereka masih ketinggalan.

Tidak kurang juga yang menyatakan rasa kecewa masing-masing terhadap kemerosotan pencapaian Melayu dan Bumiputera dalam sektor tertentu ekonomi, pendidikan dan sosial walaupun pelbagai dasar afirmatif seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan sebagainya dilaksanakan sejak lama dulu.

Sebenarnya, dari satu segi apa yang disebut sebagai Agenda Melayu itu tidak wujud. Apa yang ada ialah Agenda Nasional yang digariskan di bawah matlamat dasar afirmatif yang sebahagian besarnya dirangka selepas peristiwa rusuhan kaum di Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969.

Matlamat utama dasar berkenaan ialah untuk meningkatkan pencapaian orang Melayu dan Bumiputera dalam pelbagai bidang supaya ia seimbang dengan pencapaian kaum lain.

Tujuan jangka panjangnya ialah memastikan rakyat Malaysia terus kekal hidup dalam keadaan harmoni, bersatu padu dan faham memahami antara satu sama lain demi menjamin kelangsungan negara Malaysia hingga ke akhir zaman.

Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), misalnya, mempunyai matlamat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya satu-satu masyarakat itu tidak lagi dikenal pasti berdasarkan kepada pekerjaan masing-masing.

Sebagai contoh, sebelum DEB, orang Melayu dikenali sebagai golongan petani dan nelayan, Cina sebagai peniaga dan India pekerja ladang.

Walaupun DEB tamat pada 1990, Dasar Pembangunan Nasional yang menyusul mewarisi semangat dan falsafah sama - menjamin pengagihan kek ekonomi yang adil dan peluang mendapat kekayaan yang saksama.

Dasar ini sesungguhnya dirumuskan dengan persetujuan semua kaum yang diwakili dalam pelbagai rundingan termasuk melalui Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen 1 dan Mapen 2).

Bagaimanapun, oleh kerana kebanyakan pemimpin Melayu, terutama tokoh politik Melayu cenderung menyebut program dan matlamat dasar kebangsaan ini sebagai Agenda Melayu, kadang kala ia menimbulkan salah faham dan syak wasangka di kalangan kaum lain, terutama generasi muda yang tidak memahami sejarah negara.

Barangkali untuk mengelak timbulnya salah faham itulah maka pada akhir-akhir ini apa yang disebut sebagai Agenda Melayu itu jarang-jarang diperkatakan.

Akibatnya ada pihak yang menuduh bahawa kerajaan sekarang yang berhadapan dengan isu globalisasi dan pelbagai ancaman serta persaingan ekonomi pada peringkat antarabangsa sudah mengabaikan agenda penting negara itu. Ini sebenarnya adalah tanggapan yang amat salah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kerajaan di bawah kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad dan kini di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak pernah berganjak daripada matlamat membela orang Melayu dan Bumiputera.

Walaupun pendekatan dan kaedah yang diambil mungkin berbeza sesuai dengan perubahan masa, komitmen kerajaan terhadap perkara ini tidak pernah luntur.

Penulis difahamkan bahawa Mustapa sendiri sangat mengambil berat perkara ini. Sebagai menteri dipertanggungjawabkan dengan perancangan ekonomi negara, beliau baru-baru ini atau lebih tepat pada 28 Julai lalu mengarahkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) memanggil satu mesyuarat cendekiawan Melayu yang berminat untuk membincangkan perkara itu.

Penulis sebagai seorang yang diundang berasa cukup bertuah kerana dapat hadir. Tokoh lain yang turut hadir ialah ahli korporat, ahli akademik, pegawai kanan kerajaan, pemimpin kanan media massa dan pertubuhan bukan kerajaan.

Difahamkan bahawa ramai juga tokoh politik Melayu yang diundang ke mesyuarat tidak rasmi itu, tetapi mereka tidak hadir.

Seorang ahli politik yang hadir ialah ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Dr Norraesah Mohamad. Beliau menghuraikan sebahagian daripada perkara yang dibincangkan pada mesyuarat itu dalam rencana bertajuk Menang bentuk, kalah isi yang dimuatkan sebuah akhbar mingguan 8 Ogos lalu.

Sebagai persediaan untuk perbincangan itu, Mustapa menugaskan bekas Ketua Jurulapur Mapen II, Prof Datuk Dr Ismail Md Salleh, seorang pakar ekonomi tempatan, menyediakan kertas sebagai asas perbincangan.

Dalam kertasnya, Prof Ismail memperturunkan banyak angka dan petunjuk bagi menggambarkan bahawa usaha meningkatkan prestasi Melayu dan Bumiputera dalam bidang ekonomi masih belum mencapai sasarannya.

Oleh kerana ruangan ini terhad, angka-angka itu tidak dapat diperturunkan. Tetapi agak memadai kalau dipetik hujah Prof Ismail bahawa ekonomi Melayu dan Bumiputera `kini berada di persimpangan jalan'.

Yang lebih merunsingkan ialah rumusan beliau bahawa sedikit pencapaian dan kejayaan yang diperolehi setakat ini pun boleh terhakis akibat tekanan globalisasi dan tuntutan persaingan antarabangsa jika dasar sedia ada dan strategi tindakan afirmatif serta pemantauan gagal dilaksanakan secara berkesan.

Setelah berbincang secara panjang lebar, terbuka dan ikhlas, mesyuarat meminta Mustapa memanjangkan kepada Perdana Menteri rumusan perbincangan dan perakuan tertentu untuk tindakan susulan.

Antara rumusan yang dipersetujui ialah:

- * Kini wujud kecelaruan pemikiran di kalangan orang Melayu mengenai peranan dan tanggungjawab Umno dan kerajaan dalam memperjuangkan agenda ekonomi Bumiputera. Agenda ekonomi Bumiputera perlu diketengahkan sebagai isu nasional dan bukan isu perkauman. Peranan kerajaan dan Umno perlu dipertingkatkan;

- * Cabaran utama yang dihadapi dalam membangunkan ekonomi Bumiputera ialah persaingan dan globalisasi serta pendidikan;

- * Strategi untuk menggerakkan semula agenda ekonomi Bumiputera perlu meneliti suasana masa kini bagi mengkaji kejayaan atau kegagalan mereka. Mekanisma pemantauan juga perlu diperkukuhkan untuk memastikan pelaksanaan strategi dan program agenda ekonomi Bumiputera dapat mencapai sasaran yang ditetapkan;

- * Perancangan menyeluruh perlu dilakukan bagi memberi tumpuan kepada sektor yang kurang diceburi Bumiputera. Sektor atau bidang tertentu seperti sekuriti, hartanah, bioteknologi, ICT, pembinaan dan perkhidmatan perlu diberi penekanan dalam usaha membangunkan ekonomi Bumiputera;

- * Mekanisma dan instrumen penyusunan semula masyarakat masih relevan dan perlu diperkukuhkan untuk meningkatkan pencapaian ekonomi Bumiputera; dan

- * Sasaran agenda ekonomi Bumiputera perlu dijadikan sebahagian daripada indeks prestasi utama (KPI) bagi menilai prestasi syarikat milik kerajaan dan projek yang diswastakan.

Penulis dimaklumkan bahawa Mustapa telah pun memaklumkan hasil perbincangan itu kepada Abdullah.

Hasrat asal MTEN ialah untuk menunggu arahan selanjutnya daripada

kerajaan sebelum mengambil apa-apa tindakan susulan tanpa heboh-heboh. Pegawai MTEN berkata ini adalah selaras kehendak Mustapa yang lazimnya lebih gemar menguruskan sesuatu perkara itu secara senyap-senyap dan tanpa sebarang publisiti.

Bagaimanapun, oleh kerana isu Agenda Melayu ini sedang hangat dibincangkan dan kelihatan seolah-olah meletup semula secara tiba-tiba tanpa sebarang provokasi, adalah diharapkan agar kehebohan ini adalah petanda baik bahawa orang Melayu dan rakyat Malaysia amnya belum alpa mengenai tugas berat yang masih menanti di hadapan mereka.

Adalah diharapkan agar kehebohan di sepanjang minggu ini tidaklah sesuatu yang bermusim yang sengaja ditimbulkan untuk tempoh tertentu bagi mencapai tujuan tertentu.

Yang penting ialah tindakan susulan yang lebih berkesan dan bermakna. Setiap pihak harus mengelakkan diri daripada mengikuti tabiat ayam yang bertelur hanya sebiji, tetapi berkokok riuh sekampung.

* Penulis adalah bekas Ketua Pengarang Bernama. Beliau pernah menjadi Ketua Umno bahagian selama dua penggal dan Ahli Parlimen Parit Buntar selama sepenggal.

(END)